

17 APR 1996

M'SIA, CROATIA BERGABUNG DALAM PROJEK TENAGA AS\$15 JUTA DI GEMAS

Oleh: Salbiah Said

ZAGREB, 17 April (Bernama) -- Jika ada sebuah syarikat Malaysia yang mempunyai keberanian untuk menerokai ke Croatia ia adalah syarikat milik Bumiputera, Pusaka Endau Sdn Bhd yang menceburinya pada tahun 1994 semasa peperangan meletus di bekas republik Yugoslavia itu.

Pengarah urusannya Ahmad Abu Kassim memberitahu Bernama di sini hari ini bahawa beliau mungkin telah terbunuh ketika itu kerana hotel (Inter-Continental Hotel) di mana beliau tinggal adalah sasaran yang mudah bagi penembak-penembak curi puak-puak yang berperang itu.

Di dalam keadaan yang sukar seperti itulah perundingan dijalankan, katanya.

Berikutan dengan itu, syarikatnya dan Tvornica Electricnih Kabel (Elka DD), sebuah pengeluar pelbagai jenis kabel tenaga dan telekomunikasi yang terkemuka, telah bersetuju menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) esok (18 April) mengenai pemindahan teknologi, bantuan teknikal dan kepakaran untuk mengeluarkan kabel-kabel kuasa di Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan melakukan lawatan rasmi sehari ke Croatia, akan menyaksikan upacara itu.

Ahmad, sebelum ini seorang akauntan dengan bekas Lembaga Letrik Negara, berkata Pusaka Endau telah memperolehi tanah perindustrian seluas kira-kira 40ha di Gemas, Negeri Sembilan daripada kerajaan negeri, yang mana lapan hektar akan menjadi tapak kilang kabel kuasa itu.

Pembinaan kilang kabel kuasa AS\$15 juta (RM37 juta) itu dijangka dimulai September depan dengan kapasiti sebanyak 3,000 tan aluminium setahun, katanya.

Ia juga telah mengenal pasti rantau ASEAN, termasuk Myanmar, sebagai pasaran yang berpotensi.

Semasa di Zagreb, Dr Mahathir dijangka menyaksikan upacara menandatangani lima MoU dan satu perjanjian usaha sama antara pertubuhan-pertubuhan Malaysia dan Croatia.

Presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia Datuk Seri Yahya Ahmad dan wakil Dewan Ekonomi Croatia Nadan Vidoseric akan menandatangani satu MoU untuk menggalakkan lagi kerjasama perdagangan, perindustrian, ekonomi dan teknikal di antara kedua-dua dewan itu.

Ahmad daripada Pusaka Endau dan rakan kongsi Croatianya, pengarah urusan Elka DD, Dr Stanko Bakic akan menandatangani MoU untuk mengeluarkan kabel kuasa di kilang di Gemas tersebut.

Satu perjanjian usaha sama juga akan dimeterai antara Malaysian Resources Corporation Bhd dan Niva Holding Co of Croatia untuk menubuhkan sebuah bank di Croatia.

Sementara itu, pegawai perdagangan South Vest Sdn Bhd (pengurusan perniagaan Kanada/Antarabangsa) Leroy Wong Wai Kong berkata syarikat itu telah memperolehi janji niaga bernilai RM1.5 juta sebelum menandatangani dua MoU di Zagreb dan perjanjian jual-beli akan ditandatangani dengan syarikat-syarikat Croatia di Kuala Lumpur pada Mei depan.

South Vest, anak syarikat milik penuh Malaysian South-South Corporation Bhd, dilantik oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia menjadi perbadanan dagangan am Malaysia untuk memasarkan, mempromosi dan memaparkan produk-produk industri-industri kecil dan sederhana (IKS) ke pasaran dunia.

Di bawah MoU itu, South Vest akan membekal benang kapas, fabrik, lada hitam dan keluaran-keluaran pengguna lain kepada kedua-dua syarikat Croatia

itu.

Mengenai perniagaan di Croatia, Wong mengakui kesukaran dan cabaran yang akan dihadapi.

Croatia yang turut terbabit dalam peperangan dengan puak Serb, dihantui kekurangan wang yang telah meningkatkan masalah mudahtunai di sektor perbankan negara itu yang dibebani hutang, dengan itu mengakibatkan kekurangan dana yang teruk dan menghalang pertumbuhan syarikat-syarikat swasta.

"Jika kita boleh mengatasi masalah pembayaran (di pihak Croatia), maka kita boleh mengkaji untuk membeli semula barangan mereka dan menubuhkan perdagangan dua hala," kata Wong.

South Vest berharap mendapatkan sumber daripada IKS, terutamanya bahan-bahan binaan, barangan rumah dan elektrik, keluaran berasaskan makanan, bateri kereta dan bahan-bahan makanan, katanya.

Satu lagi bidang yang berpotensi adalah pelancongan, terutamanya di pantai Adriatik Croatia, yang pernah merupakan punca perolehan matawang terpenting negara itu, tetapi kini boleh dibangunkan menjadi pusat peranginan marina-hotel-kasino, katanya.

Wong turut menyarankan agar para pegawai Wisma Putra menghimpunkan perangkaan pelaburan terbaru di antara Malaysia dan Croatia dan mengenai pelbagai undang-undang yang mungkin menjejaskan pelaburan asing di republik Eropah Timur itu. -- BERNAMA

SS OS SIA